

23 DEC 1996

Mustapa-Harakah

HARAKAH DIMINTA TARIK BALIK DAKWAAN MENGENAI MHSB

KOTA BAHARU, 23 Dis (Bernama) -- Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed hari ini menuntut supaya akhbar milik Pas, "Harakah", menarik balik dakwaan kononnya penswastaan Mara Holdings Sdn Bhd (MHSB) mempunyai kepentingan dari Singapura.

Beliau berkata kenyataan oleh Harakah itu tidak berasas sama sekali dan berbentuk fitnah terhadap kerajaan.

"Kalau Harakah enggan menarik balik dakwaannya itu, kerajaan akan memikirkan tindakan yang sesuai untuk menafikan dakwah dan fitnah akhbar itu," katanya kepada pemberita sebelum menemui jentera UMNO bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Pulau Chondong di sini.

Mustapa berkata demikian semasa diminta mengulas mengenai laporan Harakah baru-baru ini bahawa "30 hingga 40 peratus" Syarikat Trisilco Folec Sdn Bhd, yang dikatakan mengambil alih MHSB dikuasai oleh syarikat Folec Communication Private Limited yang didaftarkan di Singapura.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mencabar mana-mana pihak yang mendakwa kononnya syarikat yang diterajui oleh tokoh korporat, Datuk Mohd Nadzmi Salleh yang menguasai 41 peratus ekuiti dalam pengurusan MHSB itu mempunyai kepentingan dari Singapura supaya membuktikannya.

Mustapa berkata kerajaan telah menimbang semasak-masaknya iaitu selama tiga tahun mengenai penswastaan MHSB itu dan yakin ia akan membawa perubahan besar kepada MHSB.

"Setelah membuat pertimbangan dengan teliti, kita mendapati MHSB perlu diterajui oleh seorang yang mampu membawa perubahan besar. Kerajaan mengakui pengurusan yang sedia ada telah memberi perkhidmatan yang baik tetapi kemungkinan kerana sebab-sebab tertentu termasuk gangguan politik telah menyebabkan menguruskan sekarang tidak dapat membawa perubahan dan keuntungan yang besar kepada MHSB," katanya.

Mustapa berkata keputusan untuk menswastakan MHSB muktamad dan kerajaan telah meminta Mohd Nadzmi supaya berunding dengan Unit Perancang Ekonomi secepat mungkin bagi membolehkan penswastaan itu dilaksanakan dengan segera.

"Kerajaan yakin beliau mampu membuat perubahan yang besar kepada MHSB dan berharap pihak-pihak tertentu tidak menghebohkan isu penswastaan itu termasuk untuk dipolitikkan," katanya. --BERNAMA

BD MAI